

Sambutan serlah aspirasi negara

Persembahan berjaya terap nilai patriotisme, perjuangan, benci rasuah

Oleh Wan Faizal Ismayatim, Irwan Shafrizan Ismail, Zanariah Abd Mutalib, Fahmy A Rosli dan Noor Atiqah Sulaiman bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kombinasi patriotisme, perjuangan, jati diri anak bangsa dan benci rasuah digarapkan dalam sambutan Hari Kebangsaan 2019 semalam, tanda aspirasi untuk menjadikan Malaysia negara yang bersih, cekap dan amanah.

Sambutan bertemakan 'Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih' dimeriahan dengan sesi perarakan dan perbarisan di Dataran Putrajaya, menampilkan empat komponen bagi mendokong aspirasi kenegaraan, ketenteraman awam, keselamatan negara dan Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih.

Lebih istimewa kali ini, Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang ditabalkan pada 50 Julai lalu, turut berkenan berangkat menghadiri sambutan bersama Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pula hadir dengan memandu Proton Saga berwarna merah hati di lokasi majlis, selain Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail serta barisan



Al-Sultan Abdullah memberi tabik hormat ketika menyanyikan lagu *Negaraku* bersama Tunku Azizah Aminah Maimunah pada perarakan dan perbarisan di Dataran Putrajaya, semalam. Turut mengiringi Dr Mahathir dan Dr Wan Azizah serta barisan menteri Kabinet.

menteri Kabinet.

Disaksikan rakyat yang memenuhi Dataran Putrajaya atau melalui siaran langsung di kaca televisyen dan laman media sosial, sambutan awal diserikan dengan persembahan oleh 2,120 murid yang melakukan pergerakan formasi grafik seawal jam 6.30 pagi.

Sejurus tiba, Al-Sultan Abdullah memeriksa Kawalan Kehormatan Utama, dibarisi 107 pegawai dan anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja, diketuai Mejar Shaiful Amir Omar.

Sambutan diteruskan dengan nyanyian lagu *Negaraku*, disusuli acara menaikkan *Jalur Gemilang* diiringi 14 das tembakan meriam melambangkan 14 negeri oleh 41 Bateri Istiadat Rejimen



Sayangi Malaysiaku

Artileri Diraja, diketuai Mejar Asri Che Wil.

Ia diikuti bacaan ikrar Rukun Negara oleh Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Zuhairie Abu Bakar serta 62 pembaca ikrar.

Sejurus melafazkan ikrar, vokal lantang Zuhairie, 42, melaungkan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali mengimbau laungan Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka.

Warga SPRM diberi mandat membaca ikrar pada Hari Kebangsaan tahun ini oleh jawatankuasa penyelarasan sambutan, seiring tema sambutan kali ini yang mendokong aspirasi patriotisme

dan benci rasuah.

Persembahan khas 'Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih' kemudian menyusul yang menonjolkan segmen berteraskan *Wawasan 2020*, anai-anai atau kejelikan rasuah, kebangkitan *Harimau* dan *Malaysia Bersih*.

Acara perbarisan dan perarakan di *Persiaran Perdana* sejauh 3.2 kilometer bermula pada jam 8.40 pagi, didahului perarakan masuk *Kontinjen Kenegaraan*, iaitu pembawa *Jalur Gemilang*, bendera negeri dan *Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang*, melintasi pentas utama.

Perarakan berkenaan memabitkan 17,353 peserta itu dimulakan oleh *kontinjen perkhidmatan awam*, diikuti *syarikat berkaitan kerajaan (GLC)* dan sektor swasta termasuk *Media Prima Berhad (MPB)*.

Tiga belon gergasi karakter animasi, iaitu Ejen Ali, Didi dan Yaya serta pelbagai maskot animasi *Malaysia* juga ditampilkan.

Kontinjen SPRM menarik perhatian menerusi penampilan kereta berhias bersama pasukan bermotosikal berkuasa tinggi berpakaian watak siri animasi *Kapten MACC* atau 'Malaysian Anti Corruption Commission'.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ismail Bakar dan *Kontinjen Berkuda Perkhidmatan Awam* yang dipimpinnya, mengundang rasa kagum hadirin serta Seri Paduka yang berdiri sambil bertepuk tangan sambil Tunku Azizah dilihat memberi isyarat bagus.

Kontinjen bagi segmen ketenteraman awam pula mewakili 10 agensi penguatkuasa undang-undang, antaranya *Jabatan Suka-relawan Malaysia*, *Jabatan Kastam Diraja Malaysia*, *Jabatan Pengangkutan Jalan*, *Jabatan Imigrasi* dan *Jabatan Penjara*.

Seperti tahun sebelumnya, segmen pertunjukan lebih 284 aset milik pasukan keselamatan dan ketenteraman awam negara, termasuk polis, *Angkatan Tentera Malaysia (ATM)*, bomba serta *Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia*, tetap menarik perhatian.

ATM menghantar *kontinjen* terbesar dibarisi 3,771 pegawai dan anggota serta 115 aset utama darat, laut dan udara, bagi segmen keselamatan negara.

Paling mengujakan, pertunjukan terbang lintas pesawat udara dan helikopter yang menggegarakan ruang udara *Putrajaya*, memabitkan 22 helikopter, sembilan pesawat angkut dan 24 pesawat pejuang *Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)*.

Acara selama dua jam diakhiri dengan persembahan lagu *Kita Punya Malaysia* oleh penyanyi, Sam Bunkface, sebelum Yang di-Pertuan Agong dan tetamu kehormat berangkat meninggalkan majlis.



Anggota *Angkatan Tentera Malaysia* mengambil bahagian dalam perarakan sempena *Hari Kebangsaan 2019* di *Putrajaya*, semalam.